



DEPARTMENT OF ENVIRONMENT, PARKS AND RECREATION
MINISTRY OF DEVELOPMENT
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PRESS RELEASE

Few areas in Negara Brunei Darussalam are currently experiencing localised hazy conditions due to bush and forest fires where the air quality is being affected. These fires are scattered across National Residential Housing in Tanah Jambu, Meragang, Panchor, Mengkubau, Mentiri, Rimba, Lugu, Bukit Beruang, Seria and Panaga, and some in the Muara-Tutong Highway near Berakas Forest Reserve and Badas area, Seria Bypass and Rasau.

Brunei Darussalam Meteorological Department, Ministry of Transport and Infocommunications forecasted the amount of rainfall for March to be slightly below the normal value and during this period the weather is expected to be hot and dry where the daily maximum temperature can reach between 33°C to 36 °C. Hazy conditions often occur in this month.

According to the Fire and Rescue Department, since January to 23 March 2024, a total of 530 calls were reported related to forest and bush fires with a total of 584 hectares affected as compared to the previous year in which only 47 calls received for forest and bush fires between January 2023 to 20 March 2023.

The Pollutant Standard Index (PSI) readings recorded from all the air quality monitoring stations (Particulate Matter 10) in the four districts were relatively higher than normal. The air quality in Negara Brunei Darussalam was at **GOOD TO MODERATE LEVEL**.

The PSI readings recorded on **SATURDAY, 23 March 2024** (as of 4.00 pm) are as follows:

	AIR QUALITY	PSI
Brunei Muara	GOOD	25
Belait	MODERATE	69
Temburong	GOOD	25
Tutong	MODERATE	52

PSI reading below 50 is Good. PSI between 50 and 100 is Moderate.

The Ministry of Health wishes to advise the public that at moderate PSI readings (between 50 and 100), minor health effects such as coughs, eye irritations and runny nose may occur. All individuals with asthma, lung and heart diseases, pregnant women, children, the elderly and those with dust allergies are advised to reduce outdoor physical activities. Those experiencing respiratory symptoms such as runny nose, coughs and difficulty breathing are advised to seek medical treatment at the nearest health centers.

The public will be kept informed of the air quality situation through RTB radio stations, the website and Instagram of Department of Environment, Parks and Recreation.

The Department of Fire and Rescue is closely monitoring the fire situation and increase the number of patrols to areas prone to forest and bush fires (“hotspot”) including the use of drones and firebike. The public is advised to report immediately any incidences of bush and forest fires to the Fire and Rescue Department at the Hotline 995. In the meantime, the public is also advised to refrain from conducting any open burning activities and other actions that may worsen the haze conditions during the dry period.

Members of the public may contact the **Darussalam Hotline 123** for any complaints on open burning activities or for any health information and advice. Additionally, the Department of Environment, Parks and Recreation may also be contacted on **2241262 extension 4405** during normal office hours. Further information on PSI readings is available at **www.env.gov.bn** and **jastre.bn** meanwhile the public may also visit **www.moh.gov.bn** for health information and advice.

For weather information and its forecasts, the public can obtain by visiting Brunei Darussalam Meteorological Department’s website **www.met.gov.bn**.

While the latest weather information can be obtained by calling the weather line 114, or through the Brunei WX application or browsing Brunei Darussalam Meteorological Department, Ministry of Transport and Infocommunications’ website at **www.met.gov.bn**.

23 March 2024


Joint Press Release by:

Department of Environment, Parks and Recreation, Ministry of Development

Department of Fire and Rescue, Ministry of Home Affairs

Ministry of Health

Brunei Darussalam Meteorological Department, Ministry of Transport and Infocommunications



JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SIARAN AKHBAR

Beberapa kawasan di Negara Brunei Darussalam pada masa ini mengalami keadaan berjerebu disebabkan kebakaran rumput dan hutan dan telah menjejaskan kualiti udara. Kebakaran ini melibatkan beberapa buah kawasan Rancangan Perumahan Negara seperti RPN Tanah Jambu, Meragang, Panchor Mengkubau, Mentiri, Rimba, Lugu, Bukit Beruang, Seria dan Panaga, serta kawasan dekat Lebuhraya Muara-Tutong berdekatan dengan Hutan Simpanan Berakas, Badas, Seria *Bypass* dan Rasau.

Jabatan Kajiucua Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi telah meramalkan bahawa jumlah turunan hujan bagi bulan Mac adalah sedikit di bawah jumlah *normal* dan dalam tempoh ini cuaca dijangkakan panas dan kering di mana suhu maksimum harian boleh meningkat antara 33°C hingga 36°C. Keadaan cuaca berjerebu juga seringkali berlaku pada bulan ini.

Mengikut statistik panggilan kebakaran hutan dan rumput yang diterima oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat dari bulan Januari sehingga 23 Mac 2024, sebanyak 530 panggilan yang melibatkan kebakaran hutan dan rumput telah direkodkan yang melibatkan kawasan seluas 584 hektar seluruh negara. Pada bulan Januari sehingga 20 Mac tahun 2023, jumlah panggilan kebakaran hutan dan rumput direkodkan adalah sebanyak 47 sahaja.

Kualiti udara yang dicatatkan di semua stesyen pemantauan kualiti udara (Bahan Partikulat 10) di keempat-empat daerah adalah tinggi berbanding dengan hari-hari biasa. Kualiti udara bagi Negara Brunei Darussalam keseluruhannya adalah ditahap **BAIK** kepada **SEDERHANA**.

Bacaan indeks pencemaran '*Pollutant Standard Index*' (PSI) (**SABTU, 23hb Mac**) pada jam 4.00 petang dicatatkan seperti berikut:

DAERAH	KUALITI UDARA	PSI
Brunei Muara	BAIK	25
Belait	SEDERHANA	69
Temburong	BAIK	25
Tutong	SEDERHANA	52

Bacaan PSI kurang daripada 50 adalah bagi keadaan kualiti udara BAIK. Bacaan PSI diantara 50 dan 100 adalah SEDERHANA.

Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan orang ramai bahawa pada bacaan PSI sederhana (di antara 50 dan 100), mereka yang tidak mempunyai masalah kesihatan bolehlah melakukan aktiviti luar, manakala bagi kanak-kanak, wanita mengandung, warga tua dan mereka yang menghidap penyakit asma, penyakit paru-paru dan penyakit jantung adalah dinasihatkan untuk mengurangkan aktiviti fizikal di luar rumah. Orang ramai yang mengalami gejala penyakit seperti batuk-batuk, selesema dan susah bernafas adalah dinasihatkan untuk berjumpa doktor di Pusat Kesihatan terdekat.

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi sentiasa terus memantau situasi dari masa kesemasa. Orang ramai akan dimaklumkan mengenai dengan kualiti udara melalui stesyen-stesyen radio RTB, laman web dan *Instagram* Jabatan.

Jabatan Bomba dan Penyelamat sedang memantau situasi kebakaran dan meningkatkan aktiviti rondaan ke kawasan yang sering terjadi kebakaran hutan dan rumput ("hotspot") yang antara lain dengan penggunaan drone dan firebike. Dalam pada itu, orang ramai adalah dinasihatkan supaya tidak melakukan pembakaran terbuka dan aktiviti-aktiviti yang boleh menyebabkan terjadinya kebakaran rumput dan hutan. Orang ramai juga adalah digesa untuk melaporkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat jika terjadinya kebakaran rumput dan hutan ditalian **Hotline 995**.

Orang ramai boleh menghubungi **Hotline Darussalam 123** bagi sebarang aduan mengenai pembakaran terbuka dan untuk mendapatkan sebarang maklumat dan nasihat kesihatan. Sementara itu, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi juga boleh dihubungi melalui talian **2241262 sambungan 4405** semasa waktu pejabat. Maklumat lanjut mengenai bacaan PSI boleh diperolehi dengan melayari laman web **www.env.gov.bn** manakala maklumat dan nasihat kesihatan juga boleh diperolehi dengan melayari laman web **www.moh.gov.bn**.

Maklumat mengenai ramalan kajicuaca boleh diperolehi dengan melayari laman web Jabatan Kaji Cuaca, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi di **www.met.gov.bn**.

Manakala maklumat cuaca terkini boleh diperolehi dengan menghubungi talian cuaca 114, atau melalui aplikasi Brunei WX atau melayari laman web Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi di www.met.gov.bn.

23 Mac 2024

Disediakan oleh:

Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan

Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Kementerian Kesihatan

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi